

**AKHBAR : KOSMO**  
**MUKA SURAT : 14**  
**RUANGAN : NEGARA**

Kerajaan terpaksa keluarkan kos RM7.4 bilion rawat penyakit akibat rokok

## 20,000 lelaki Malaysia diramal mati

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan bakal menanggung kos rawatan penyakit utama akibat merokok seperti kanser paru-paru dan masalah jantung koronari berjumlah RM7.4 bilion menjelang tahun 2025, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

Beliau berkata, jumlah itu berdasarkan unjuran yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2017 sekiranya kawalan tembakau di Malaysia tidak diperkukuhkan dan *prevolen* (lazim) merokok tidak berkurang.



Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga menganggarkan lebih 20,000 lelaki dewasa di Malaysia mati setiap tahun akibat komplikasi daripada tabiat merokok.

“Akibat komplikasi dan kadar kematian yang tinggi, merokok telah memberi kesan kepada ekonomi negara dalam pelbagai aspek termasuk beban kos yang tinggi bagi merawat penyakit

disebabkan merokok, menjejaskan produktiviti kerana pekerja sering tidak sihat dan menyebabkan kerugian kepada negara berpunca kematian pramatang,” katanya pada persidangan Dewan Rakyat di sini semalam.

Dzulkefly menjawab soalan Wong Chen (PH-Subang) sama ada kerajaan bersetuju mengumpul dan menerbitkan data kompre-



DZULKEFLY

hensif mengenai kos ekonomi berkaitan dengan merokok.

Menurut Dzulkefly, bagi membantu pihak kementerian memperkukuh kawalan tembakau di Malaysia, kementerian telah melakukan pengumpulan dan penerbitan data komprehensif mengenai

kos ekonomi berkaitan dengan merokok.

Beliau berkata, kajian pada

tahun 2007 oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan menunjukkan kenaikan cukai ke atas rokok yang seterusnya menaikkan harga rokok akan mengurangkan penggunaan rokok dan pada masa yang sama meningkatkan kutipan cukai rokok.

Namun, katanya, kenaikan cukai rokok di negara ini masih belum dapat memberi impak yang besar dari segi pengurangan penggunaan rokok disebabkan harga barangan itu masih mampu dimiliki.